TERMA PERKHIDMATAN JOHNSON CONTROLS

Terma-terma Perkhidmatan Johnson Controls ini ("Perjanjian" ini) memerintah penggunaan platform JCI oleh anda bagi suatu perkhidmatan, suatu perisian sebagai perkhidmatan atau tawaran lain yang dihoskan ("Perkhidmatan") yang tersedia kepada anda di bawah Perjanjian ini. Perjanjian ini ialah suatu kontrak undang-undang yang mengikat antara anda atau entiti yang anda bagi pihaknya menerima Perjanjian ini ("anda") dan ahli gabungan Johnson Controls yang dikenalpasti dalam Bahagian 13 yang menawarkan Perkhidmatan berkenaan ("JCI", "kami" atau "kita") Perjanjian ini merangkumi Terma-Terma Tempatan dan Tambahan yang dinyatakan dalam Bahagian 13.

Dengan memasuki suatu Pesanan atau mengakses atau menggunakan Perkhidmatan, anda bersetuju bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju supaya terikat oleh Perjanjian ini, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa. Jika anda tidak atau tidak dapat bersetuju supaya terikat oleh Perjanjian ini, anda tidak boleh mengakses atau menggunakan Perkhidmatan. Sekiranya anda mengakses atau menggunakan Perkhidmatan untuk dan bagi pihak suatu orang atau organisasi, anda adalah bersetuju kepada Perjanjian ini bagi orang atau organisasi tersebut dan memberi representasi kepada JCI bahawa anda mempunyai kebenaran untuk mengikat orang atau organisasi tersebut dengan Perjanjian ini. Perjanjian ini memerlukan penggunaan timbang tara yang mengikat untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian dan bukannya perbicaraan juri atau tindakan-tindakan kelas. Sila lihat Bahagian 22 untuk butiran-butiran, termasuk arahan-arahan yang perlu diikuti bagi mengecualikan diri daripada timbang tara yang mengikat dan penepian tindakan-tindakan kelas.

1. **Perkhidmatan.** Tertakluk kepada kepatuhan anda yang berterusan dengan terma-terma Perjanjian ini, anda boleh mengakses dan menggunakan Perkhidmatan untuk tujuan perniagaan dalaman anda sahaja, tertakluk kepada Dokumentasi. Perkhidmatan ini merangkumi akses kepada dokumentasi JCI dulu-semasa yang boleh didapati secara umum untuk kegunaan dan operasi Perkhidmatan (“**Dokumentasi**”). “**Pesanan**” bermaksud setiap dokumen pemesanan (cth. suatu pesanan atau borang pesanan) yang merujuk kepada Perjanjian ini atau Perkhidmatan dan adalah antara anda dan JCI (atau salah satu pengedar atau penjual semula JCI yang dibenarkan) menurut yang mana anda membeli hak berasaskan tempoh untuk menggunakan Perkhidmatan.

2. Pengguna-Pengguna Yang Dibenarkan; Akaun Anda. Anda hanya boleh membenarkan bilangan individu maksimum (“Pengguna-Pengguna Dibenarkan”) yang dikenalpasti dalam Pesanan, jika ada, untuk menggunakan nama pengguna dan kata laluan (“Maklumat Akaun”). Anda hendaklah memastikan sekuriti dan kesulitan Maklumat Akaun anda, dan anda adalah bertanggungjawab bagi semua aktiviti yang dilaksanakan dalam Perkhidmatan dengan Maklumat Akaun anda. Untuk menggunakan Perkhidmatan, anda mestilah mendaftar untuk suatu akaun pengguna dengan memberikan maklumat pendaftaran yang tepat dan lengkap. Anda tidak boleh membenarkan sebarang orang yang lain untuk menggunakan akaun anda. Dengan mewujudkan suatu akaun, anda memberi representasi dan menjamin bahawa anda ialah seorang Pengguna Dibenarkan. Jika anda merupakan seorang majikan, anda hendaklah memastikan bahawa semua Pengguna Dibenarkan anda mematuhi terma-terma Perjanjian ini, dan anda adalah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk semua tindakan Pengguna-Pengguna Dibenarkan berkenaan dengan akses atau penggunaan Perkhidmatan oleh mereka, dan sebarang kegagalan oleh Pengguna-Pengguna Dibenarkan sedemikian untuk mematuhi terma-terma Perjanjian ini merupakan suatu kemungkiran oleh anda; selanjutnya, anda hendaklah memaklumkan JCI dengan segera sekiranya anda mendapati sebarang kemungkinan penyalahgunaan, kehilangan atau pendedahan Maklumat Akaun anda atau Pengguna-Pengguna Dibenarkan anda. JCI menyimpan hak untuk mengehadkan siapa yang layak untuk suatu akaun.

3. Kemas Kini; Ketersediaan Ciri-Ciri dan Fungsi-Fungsi; Perisian. JCI boleh, pada bila-bila masa dan mengikut budi bicaranya, mengubahsuai, menjadikan usang, menaik taraf atau mengeluarkan versi baharu Perkhidmatan, atau apa-apa bahagian ciri dan fungsinya. Melainkan dinyatakan sebaliknya dan dipersetujui secara berasingan oleh JCI, sebarang pengubahsuaian atau versi baharu Perkhidmatan adalah tertakluk kepada terma-terma Perjanjian ini. Anda diperlukan untuk membayar yurantambahan untuk mengakses ciri dan fungsi baharu. Ciri-ciri dan fungsi-fungsi Perkhidmatan tertentu mungkin boleh dibuat tersedia berdasarkan konfigurasi produk-produk yang spesifik dan mungkin tidak tersedia kepada anda tanpa bayaran atau yuran tambahan. JCI akan menggunakan usaha komersial yang munasabah untuk memaklumkan anda mengenai sebarang perubahan besar yang menjejaskan terhadap atau penamatan Perkhidmatan. Sekiranya anda membuktikan bahawa suatu perubahan yang kami buat menurut Bahagian ini mempunyai kesan yang material terhadap penggunaan Perkhidmatan oleh anda yang dibenarkan, anda boleh memaklumkan kepada kami secara bertulis, dan kami boleh mencadangkan penyelesaian atau cara mengatasi. Sekiranya kami tidak dapat menyediakan penyelesaian atau cara mengatasi yang secara munasabahnya memuaskan kepada anda, maka meskipun apa-apa yang sebaliknya, anda boleh menamatkan Perjanjian dengan memberi notis bertulis kepada kami. JCI boleh mengubah, menamatkan atau menjadikan usang sebarang API yang digunakan untuk Perkhidmatan, jika ada, dari semasa ke semasa tetapi akan menggunakan usaha komersial yang munasabah untuk terus menyokong versi terdahulu apa-apa API yang diubahsuaikan, dihentikan atau dijadikan usang, bagi selama dua belas (12) bulan selepas perubahan, penghentian atau menjadi usangnya melainkan menyokong versi terdahulu: (a) akan menimbulkan masalah sekuriti atau harta intelek; (b) adalah membebankan dari segi ekonomi atau teknikal; atau (c) adalah dianggap mustahil atau tidak praktikal disebabkan keperluan undang-undang atau permintaan daripada entiti-entiti pihak kerajaan. Anda bersetuju bahawa JCI tidak akan liable kepada anda atau apa-apa pihak ketiga untuk sebarang pengubahsuaian, penggantungan atau penamatan Perkhidmatan atau apa-apa bahagian Perkhidmatan, selain daripada membayar balik sebarang yuran prabayar atau yuran yang tidak digunakan bagi Perkhidmatan yang ditamatkan.

4. Perisian. Perkhidmatan mungkin memerlukan pemasangan perisian ("Perisian") untuk berfungsi (cth. perisian yang dibenamkan dalam peralatan kami di lokasi anda atau pada peralatan atau sistem anda). Perisian yang dibekalkan kepada anda sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan adalah yang diberikan di bawah perjanjian lesen pengguna akhir yang disertakan dengan Perisian sedemikian, dan jika tiada, Perjanjian Lesen Pengguna Akhir Am JCI yang dinyatakan di www.johnsoncontrols.com/buildings/legal/digital/generaleula yang menyatakan bahawa dalam apa-apa kejadian, penggunaan Perisian oleh anda hendaklah hanya untuk tujuan membolehkan anda untuk mengguna dan menikmati manfaat Perkhidmatan seperti yang dibenarkan di bawah Perjanjian ini. Perisian boleh secara berkala menyemak untuk kemas kini yang akan dipasang secara automatik pada peralatan atau sistem anda tanpa menyediakan sebarang notis tambahan atau memerlukan apa-apa keizinan tambahan daripada anda. Dengan menerima Perjanjian ini, anda bersetuju untuk menerima kemas kini automatik seperti jenis ini tanpa sebarang notis tambahan, dan anda mengizinkan kepada kemas kini automatik ini. Jika anda tidak mahu kemas kini, anda mesti berhenti menggunakan Perkhidmatan dan Perisian dan menamatkan akaun anda; jika tidak, anda akan menerima kemas kini ini secara automatik. Anda mengakui bahawa pemasangan kemas kini mungkin diperlukan untuk penggunaan berterusan Perkhidmatan dan Perisian, dan anda bersetuju untuk memasang sebarang kemas kini yang dibekalkan oleh JCI dengan segera.

5. Tahap Perkhidmatan Ketersediaan. Melainkan suatu tahap ketersediaan Perkhidmatan yang berlainan ditetapkan dalam Pesanan atau Terma-Terma Tambahan, JCI hendaklah menggunakan usaha komersial yang munasabah untuk memastikan Perkhidmatan tersedia dua puluh empat (24) jam sehari, tujuh (7) hari seminggu, kecuali untuk ketiadaksediaan Pra-GA/Perkhidmatan Percubaan dan ketidaksediaan yang disebabkan oleh (i) penyelenggaraan sistem dan masa henti terjadual (yang JCI hendaklah

menggunakan usaha munasabah untuk memberi notis terlebih dahulu) dan (ii) apa-apa ketidaksediaan yang disebabkan oleh: [a] perisian atau perkakasan anda atau perisian atau perkakasan Pihak Ketiga; [b] keadaan di luar kawalan munasabah JCI, termasuk tetapi tidak terhad kepada ketersediaan pembekal perkhidmatan internet dan pengendali rangkaian mudah alih; dan [c] penyalahgunaan Perkhidmatan atau pelanggaran lain Perjanjian ini oleh anda.

6. Sekatan-Sekatan. Anda tidak boleh (dan tidak boleh membenarkan pihak lain untuk): (a) mengakses atau menggunakan Perkhidmatan dengan apa-apa cara atau untuk apa-apa tujuan, selain daripada yang secara nyata dibenarkan oleh Perjanjian ini; (b) menerbit, mengedar, melesenkan, menjual, menyewa, memajak, menghoskan atau dengan yang lain mengeksploit Perkhidmatan secara komersial; (c) mengubah suai, mengubah, mengusik, menyalin atau menghasilkan kerja derivatif Perkhidmatan; (d) menukar menjadi kod sumber, pisahkan, menjalankan kejuruteraan terbalik atau dengan cara lain cuba mendapatkan kod sumber apa-apa perisian yang disertakan dalam Perkhidmatan atau rahsia dagangan yang dibenamkan dalam Perkhidmatan, kecuali setakat mana sekatan-sekatan yang disebut di atas adalah dilarang oleh undang-undang berkenaan atau terma-terma pelesenan yang memerintah penggunaan komponen sumber terbuka yang mungkin disertakan dengan Perkhidmatan; (e) penggunaan Perkhidmatan bagi tujuan membentuk suatu produk atau perkhidmatan yang serupa atau bersaing atau tawaran komersial lain; (f) menyingkirkan sebarang hakcipta, tanda niaga, hak-hak proprietari, penolak tuntutan atau notis amaran yang disertakan atau dibenamkan dalam apa-apa bahagian Dokumentasi atau Perkhidmatan; (g) **menggunakan Perkhidmatan untuk menyimpan atau menghantar apa-apa Data Pelanggan (seperti yang ditakrifkan dalam Bahagian 20) yang mengandungi atau adalah digunakan untuk memulakan suatu penafian serangan perkhidmatan, virus-virus perisian atau kod-kod, fail-fail atau program-program komputer lain yang berbahaya atau merosakkan, seperti kuda Trojan,** cecacing, bom masa, bot batal atau perisian perisik; (h) membahayakan sekuriti akaun Perkhidmatan anda atau akaun orang lain (misalnya membenarkan orang lain untuk log masuk ke Perkhidmatan sebagai anda); (i) mengganggu kefungsian betul Perkhidmatan (termasuk dengan mengenakan beban yang tidak munasabah pada Infrastruktur Perkhidmatan); (j) mencari jalan untuk mengatasi apa-apa sekatan atau had teknikal atau keselamatan dalam Perkhidmatan; (k) mengakses atau cuba untuk mengakses apa-apa Perkhidmatan dengan cara selain daripada ruang hubung kait yang dibekalkan oleh JCI; atau (l) menggunakan ciri-ciri berasaskan Internet dengan sebarang cara yang boleh mengganggu penggunaannya oleh orang lain atau cuba mendapatkan akses atau menggunakan sebarang perkhidmatan, data, akaun atau rangkaian dengan cara yang tidak dibenarkan.

7. Pematuhan. Anda hendaklah memastikan penggunaan Perkhidmatan dan Perisian (yang terpakai) oleh anda mematuhi semua undang-undang dan peraturan asing, persekutuan, negeri dan tempatan yang terpakai dengan penggunaan anda. Dengan mengakses atau menggunakan Perkhidmatan, anda menjamin bahawa anda mempunyai semua hak dan kebenaran yang diperlukan untuk memasuki Perjanjian ini dan tindakan anda untuk membuat sedemikian tidak melanggar sebarang undang-undang dan peraturan asing, persekutuan, negeri dan tempatan yang terpakai dengan akses atau penggunaan Perkhidmatan oleh anda. Anda hendaklah memastikan bahawa anda mempunyai semua hak dan kebenaran yang diperlukan untuk menggunakan sebarang Data Pelanggan yang anda serahkan kepada atau dengan yang lain gunakan berhubungan dengan Perkhidmatan ini.

8. Tawaran-Tawaran Penilaian. Dari semasa ke semasa, kami boleh menawarkan anda akses ke Perkhidmatan tertentu dan versi, pra-pelancaran, ciri-ciri dan fungsi-fungsi Perkhidmatan tertentu, kepada anda atas dasar beta, pra-GA, percubaan atau penilaian ("Perkhidmatan Pra-GA/Percubaan"). Perkhidmatan Pra-GA/Percubaan adalah dibekalkan kepada anda secara percuma, melainkan yang kami nyatakan sebaliknya atau yang sebaliknya dinyatakan dalam Pesanan anda, dan hanya boleh digunakan untuk pengujian dan penilaian dalaman anda sendiri bagi Perkhidmatan Pra-GA/Percubaan sedemikian. Kami boleh mengehadkan, menggantung atau menamatkan akses anda ke sebarang bahagian Perkhidmatan Pra-GA/Percubaan atas apa-apa sebab mengikut budi bicara tunggul kami. Semua sekatan, had dan kewajipan yang berkaitan dengan akses kepada dan penggunaan Perkhidmatan oleh anda yang dinyatakan dalam Perjanjian ini adalah terpakai kepada akses dan penggunaan Perkhidmatan Pra-GA/Percubaan oleh anda. Sebarang Perkhidmatan Pra-GA/Percubaan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis dan boleh berbeza secara ketara apabila dilancarkan secara komersial. Perkhidmatan Pra-GA/Percubaan adalah dibekalkan atas dasar "sedia ada" dan tanpa sebarang jenis waranti.

9. Perisian-Perisian, Produk-Produk dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pihak Ketiga. Setakat mana perisian yang dilesenkan daripada pihak ketiga ("Perisian Pihak Ketiga") adalah dibekalkan dengan atau digabungkan dalam Perkhidmatan, anda hendaklah mematuhi, dan bersetuju untuk terikat kepada, terma-terma dan syarat-syarat lesen pihak ketiga berkenaan yang berkaitan dengan Perisian Pihak Ketiga, sebagai tambahan kepada terma-terma dan sekatan-sekatan yang terkandung dalam Perjanjian ini. Semua lesen berkenaan bagi Perisian Pihak Ketiga adalah diberikan di www.johnsoncontrols.com/techterms atau dalam Perkhidmatan atau Perisian.

10. Tempoh dan Penamatan. Perjanjian ini akan berkuatkuasa pada yang lebih awal: (a) tarikh anda memasuki Pesanan; atau (b) tarikh pertama kali anda mengakses atau menggunakan Perkhidmatan ("Tarikh Permulaan Kuat Kuasa") dan akan terus berkuatkuasa untuk tempoh yang dinyatakan dalam Pesanan, melainkan ditamatkan menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini ("Tempoh"). Salah satu pihak boleh menamatkan Perjanjian ini dengan notis bertulis kepada pihak lain jika pihak lain itu adalah dalam kemungkiran material kewajipannya di bawah ini dan gagal membetulkan kemungkiran tersebut dalam masa tiga puluh (30) hari daripada notis bertulis sedemikian. Selain itu, salah satu pihak boleh, mengikut budi bicara tunggulnya, menamatkan Perjanjian ini dengan notis bertulis kepada pihak lain atas kebankrapan atau ketaksolvenan pihak lain atau atas permulaan sebarang penggulungan syarikat secara sukarela atau tidak sukarela, atau atas pemfailan sebarang petisyen untuk penggulungan pihak lain. Atas penamatan atau tamat tempoh Perjanjian ini, hak penggunaan dan akses yang diberikan kepada anda di bawah Perjanjian ini akan ditamatkan secara automatik, dan anda tidak mempunyai hak selanjutnya untuk menggunakan atau mengakses Perkhidmatan.

11. Penggantungan. JCI boleh menggantung dengan serta merta akses kepada atau penggunaan Perkhidmatan oleh anda, secara keseluruhan atau sebahagian, tanpa notis kepada anda, jika JCI menentukan bahawa: (a) anda telah memungkiri Perjanjian ini; (b) sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh anda masih lagi tertunggak; (c) ianya adalah diperlukan secara munasabah untuk mengelakkan akses yang tidak dibenarkan kepada Perkhidmatan; atau (d) akses atau penggunaan Perkhidmatan oleh anda atau Pengguna Dibenarkan anda: (i) menimbulkan risiko keselamatan kepada Perkhidmatan atau sebarang pihak ketiga; (ii) mungkin memudaratkan Perkhidmatan atau sistem-sistem yang berkenaan dengannya; (iii) boleh mendedahkan kami atau pihak ketiga kepada sebarang liabiliti; atau (iv) mungkin adalah penipuan atau dilarang oleh undang-undang dan peraturan-peraturan terpakai. Anda masih lagi bertanggungjawab untuk membayar semua Yuran untuk penggunaan bahagian Perkhidmatan yang tidak digantungkan.

12. Yuran; Cukai. Anda hendaklah membayar JCI (atau pengedar atau penjual semula) semua yuran yang dinyatakan pada atau dirujuk dalam Pesanan ("Yuran") dalam tiga puluh (30) hari daripada tarikh invois, melainkan tempoh yang berlainan dinyatakan dalam Pesanan yang berkenaan, dan bayaran-bayaran yang tidak dijelaskan dalam tempoh masa sedemikian hendaklah tertakluk kepada caj lewat bersamaan kepada jumlah yang lebih kecil antara: (a) satu setengah peratus (1.5%) setiap bulan ke atas jumlah tertunggak; atau (b) jumlah maksimum yang dibenarkan di bawah undang-undang terpakai. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, Pesanan anda adalah tidak boleh dibatalkan dan jumlah-jumlah yang telah dibayar adalah tidak boleh dikembalikan, melainkan yang dinyatakan sebaliknya dalam Perjanjian ini atau Pesanan anda. Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Pesanan yang berkenaan, sebarang pembaharuan Perkhidmatan adalah menurut senarai harga JCI yang terpakai pada masa itu. Semua cukai, duti, yuran dan apa-apa jenis caj

kerajaan yang lain (termasuk cukai jualan dan penggunaan, tetapi mengecualikan cukai berdasarkan hasil kasar atau pendapatan bersih JCI) yang dikenakan oleh atau di bawah kuasa apa-apa kerajaan atau sub-divisyen politiknya atas yuran-yuran untuk Perkhidmatan hendaklah hanya anda tanggungkan , melainkan anda boleh membuktikan pengecualian cukai dan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada penolakan daripada atau ofset ke atas yuran-yuran sedemikian. Jika anda kehilangan status pengecualian cukai, anda hendaklah bayar sebarang cukai yang perlu dibayar sebagai sebahagian daripada pembaharuan atau bayaran. Anda hendaklah memaklumkan JCI dengan segera mengenai perubahan status cukai anda. Anda hendaklah membayar segala kos, yuran, perbelanjaan mahkamah dan yuran guaman munasabah yang ditanggung oleh JCI dalam mengutip Yuran-Yuran tertunggak.

13. Terma-Terma Khusus Geografi dan Perkhidmatan.

a. Entiti yang Memasuki Kontrak. Ahli gabungan JCI yang mana anda memasuki kontrak dengan bergantung kepada lokasi geografi dan pilihan Perkhidmatan anda. Ahli gabungan JCI berkenaan yang anda memasuki kontrak dengan bagi Perkhidmatan anda adalah dinyatakan pada Pesanan anda.

b. Terma-Terma Tempatan. Sekiranya Perkhidmatan yang dibekalkan oleh ahli gabungan JCI di luar Amerika Syarikat, maka terma tempatan berkenaan yang dinyatakan di www.johnsoncontrols.com/toslocalterms (“Terma Tempatan”) akan terpakai bagi pembekalan Perkhidmatansedemikian. Terma-Terma Tempatan Yang Terpakai adalah diperbadankan melalui rujukan dalam Perjanjian ini.

c. Terma-terma Tambahan. Perkhidmatan specific, terma-terma tambahan yang memerintah Perkhidmatan-Perkhidmatan yang tertentu adalah dinyatakan di www.johnsoncontrols.com/techterms ("Terma-Terma Tambahan”). Terma-Terma Tambahan Yang terpakai adalah diperbadankan melalui rujukan dalam Perjanjian ini.

14. Waranti Terhad; Penolak tuntutan. JCI menjaminkan bahawa Perkhidmatan akan dilaksanakan sebahagian besarnya selaras dengan Dokumentasinya sepanjang Tempoh. Kecuali setakat mana yang dilarang oleh undang-undang terpakai, kewajipan tunggal JCI dan remedi tunggal dan eksklusif anda bagi kemungkiran waranti yang dikatakan di atas adalah JCI akan menggunakan usaha komersial yang munasabah untuk membetulkan kefungsian Perkhidmatan yang tidakpatuhan tanpa bayaran. JCI adalah tidak bertanggungjawab bagi ketidakpatuhan waranti yang disebabkan oleh penggunaan atau combinasi dengan perkakasan dan perisian yang tidak dibekalkan oleh JCI, penyalahgunaan Perkhidmatan, atau kecuaian atau salah laku sengaja anda. KECUALI YANG DINYATAKAN DALAM BAHAGIAN INI, PERKHIDMATAN, PERKHIDMATAN PRA-GA/PERCUBAAN, PERISIAN, PERISIAN PIHAK KETIGA DAN SEBARANG DATA, MAKLUMAT ATAU HASIL-HASIL YANG DIPEROLEHI MELALUI PERKHIDMATAN ATAU PERKHIDMATAN PRA-GA/PERCUBAAN YANG DIBEKALKAN ATAS DASAR "SEPERTI YANG TERSEDIA", "SEADANYA". SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG BERKENAAN, JCI DAN AHLI GABUNGANNYA, DAN PENGARAH, PEGAWAI, EJEN, PEMBERI LESEN, PEMBEKAL PERKHIDMATAN, PEMBEKAL, SUBKONTRAKTOR, PENGEDAR DAN VENDOR MASING-MASING ("PIHAK JCI") TIDAK MEMBUAT (DAN SECARA SPESIFIK MENAFIKAN SEMUA) SEBARANG JENIS REPRESENTASI ATAU WARANTI BERHUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN, PERKHIDMATAN PRA-GA/PERCUBAAN, PERISIAN, PERISIAN PIHAK KETIGA DAN SEBARANG DATA, MAKLUMAT ATAU HASIL-HASIL YANG DIPEROLEHI MENERUSI PERKHIDMATAN ATAU PERKHIDMATAN PRA-GA/PERCUBAAN, SAMA ADA SECARA NYATA, TERSIRAT, STATUTORI ATAU YANG LAIN, TERMASUK, TANPA HAD: (A) WARANTI TERSIRAT BAGI KETEPATAN, KETIADALANGGARAN , HAK MILIK, KEBOLEHDAGANGAN, KENIKMATAN AMAN SENTOSA, KUALITI MAKLUMAT DAN KESESUAIAN UNTUK SUATU TUJUAN TERTENTU; (B) APA-APA WARANTI BAHAWA: (I) PERKHIDMATAN, PERKHIDMATAN PRA-GA/PERCUBAAN, PERISIAN ATAU PERISIAN PIHAK KETIGA AKAN MEMENUHI KEPERLUAN-KEPERLUAN ANDA; (II) PERKHIDMATAN, PERKHIDMATAN PRA-GA/PERCUBAAN, PERISIAN ATAU PERISIAN PIHAK KETIGA TIDAK AKAN MENGHADAPI GANGGUAN, BEBAS DARIPADA KESILAPAN (TERMASUK GANGGUAN-GANGGUAN DISEBABKAN SERANGAN SIBER ATAU KOD HASAD ATAU YANG LAIN), BEBAS DARIPADA KOMPONEN-KOMPONEN BERBAHAYA, BERTEPATAN MASA ATAU SELAMAT; ATAU (III) PERKHIDMATAN, PERKHIDMATAN PRA-GA/PERCUBAAN ATAU PERISIAN AKAN SEPADAN DENGAN APA-APA PERKAKASAN ATAU PERISIAN YANG TIDAK DINYATAKAN SECARA EKSPLISIT DALAM DOKUMENTASI, ATAU BAHAWA KECACATAN-KECACATAN DALAM PERKHIDMATAN, PERKHIDMATAN PRA-GA/PERCUBAAN ATAU PERISIAN AKAN DIBETULKAN; DAN (C) APA-APA WARANTI YANG TIMBUL DARIPADA APA-APA PELAKSANAAN, URUS NIAGA ATAU KELAZIMAN DAGANGAN. TIADA MAKLUMAT ATAU NASIHAT LISAN ATAU BERTULIS YANG DIBERIKAN OLEH JCI ATAU SIAPA-SIAPA KAKITANGAN ATAU EJENNYA AKAN MEWUJUDKAN SEBARANG WARANTI-WARANTI TAMBAHAN ATAU DALAM SEBARANG CARA SEKALIPUN MENAMBAH SKOP KEWAJIPAN-KEWAJIPAN JCI DI BAWAH INI. BIDANG-BIDANG KUASA TERTENTU TIDAK MEMBENARKAN PENGECUALIAN-PENGECUALIAN YANG DISEBUTKAN DI ATAS. DALAM SITUASI SEDEMIKIAN, PENGECUALIAN SEDEMIKIAN TIDAK AKAN TERPAKAI TERHADAP ANDA HANYA SETAKAT MANA DILARANG OLEH UNDANG-UNDANG BERKENAAN.

15. Tuntutan-Tuntutan Pihak Ketiga.

a. OLEH KAMI. JCI hendaklah membela dan/atau menyelesaikan, atas kos dan perbelanjaan kami, apa-apa tuntutan, saman, tindakan, atau prosiding ("Tuntutan") pihak ketiga yang dibawa terhadap anda yang mendakwa bahawa Perkhidmatan melanggar suatu paten Amerika Syarikat atau hak cipta berdaftar Amerika Syarikat pihak ketiga tersebut, dan JCI akan membayar semua ganti rugi yang akhirnya dianugerahkan dan jumlah penyelesaian yang kami masuki bagi dan untuk pihak anda berhubungan dengan Tuntutan yang dilindungi. Kewajipan JCI yang disebutkan di atas adalah kontingen atas anda memaklumkan JCI dengan segera secara bertulis mengenai Tuntutan sedemikian, memberikan JCI kuasa penuh untuk mengawal pembelaan atau penyelesaian Tuntutan sedemikian, dan memberikan JCI bantuan yang munasabah berhubungan dengan itu. Sekiranya suatu Tuntutan pelanggaran di bawah Bahagian ini berlaku, atau jika JCI menentukan bahawa suatu tuntutan mungkin berlaku, JCI boleh, dalam budi bicara tunggulnya, sama ada: (a) memperolehi hak-hak bagi anda untuk terus menggunakan Perkhidmatan bebas daripada tuntutan pelanggaran tersebut; atau (b) menggantikan atau mengubah suai Perkhidmatan untuk menjadikannya tidak lagi melanggar, tanpa kehilangan kefungsian yang material. Jika sebarang remedi-remedi ini adalah tidak tersedia secara munasabah kepada JCI, JCI boleh, mengikut budi bicara tunggulnya, menamatkan Perjanjian ini dengan segera dan mengembalikan kepada anda sebarang yuran-yuran yang telah dibayar bagi Perkhidmatan yang belum dibekalkan setakat tarikh penamatan. Walau apa yang dinyatakan di atas, JCI adalah tidak mempunyai kewajipan berkenaan dengan apa-apa tuntutan pelanggaran yang berasaskan atau timbul daripada yang berikut ("Tuntutan Yang Dikecualikan"): (a) penggunaan atau kombinasi Perkhidmatan dengan apa-apa perkakasan, perisian, produk-produk, maklumat, data atau bahan-bahan lain yang tidak kami bekalkan , termasuk sistem sendiri dan Data Pelanggan anda; (b) pengubahsuaian atau pengubahan Perkhidmatan oleh sesiapa melainkan oleh JCI atau ejennya, atau jika oleh JCI atau ejennya, pengubahsuaian atau pengubahan yang dilakukan atas arahan anda; (c) pelanggaran Perjanjian ini atau penyalahgunaan Perkhidmatan oleh anda atau penggunaan Perkhidmatan oleh anda yang melebihi hak-hak yang diberikan dalam Perjanjian ini; (d) penggunaan aspek Perkhidmatan yang melanggar selepas kami memaklumkan anda tentang pelanggaran yang didakwa, membekalkan kepada andaalternatif

yang tidak melanggar , atau selepas kami telah menamatkan Perjanjian, atau (e) apa-apa Perisian Pihak Ketiga. KECUALI SETAKAT MANA DILARANG OLEH UNDANG-UNDANG BERKENAAN, peruntukan-peruntukan Bahagian ini menyatakan kewajipan dan liabiliti tunggal dan eksklusif PIHAK-PIHAK JCI bagi apa-apa tuntutan pelanggaran harta intelek, PENGGELAPAN, ATAU PELANGGARAN LAIN HAK HARTA INTELEK PIHAK KETIGA yang timbul daripada atau berkenaan Perkhidmatan, PERISIAN, dan/atau Perjanjian ini.

b. OLEH ANDA. Anda hendaklah menanggung rugi, mempertahankan dan melindungi Pihak-Pihak JCIdaripada sebarang tuntutan, kerosakan, kerugian, liabiliti, kos dan perbelanjaan (termasuk yuran-yuran guaman yang munasabah) yang timbul daripada atau berhubungan dengan Tuntutan yang timbul daripada atau berhubungan dengan: (a) Tuntutan Yang Dikecualikan; (b) sebarang kemungkiran Perjanjian ini; atau (c) sebarang dakwaan bahawa bahan-bahan atau kandungan yang anda hantarkan atau dengan yang lain membuat tersedia di bawah Perjanjian, termasuk Data Pelanggan, menyalahi, menggelap atau melanggar hak-hak harta intelek pihak ketiga. JCI hendaklah memaklumkan anda dengan segera secara bertulis tentang apa-apa tuntutan sedemikian, memberikan anda kuasa tunggul untuk mengawal pembelaan atau penyelesaian tuntutan dan memberikan bantuan yang munasabah berhubungan dengan itu.

16. Had-Had Penggunaan. Tambahan kepada apa-apa Terma-Terma Tambahan yang terpakai, had-had berikut adalah terpakai terhadap Perkhidmatan:

a. Perkhidmatan adalah bertujuan untuk diakses dan digunakan untuk maklumat yang bukan kritikal dalam masa, bukannya sebagai suatu penggera utama dan masa nyata dan/atau platform pemantauan keselamatan nyawa. PERKHIDMATAN BUKANNYA BERTUJUAN UNTUK MEMBEKALKAN SEBARANG FUNGSI KECEMASAN, MAKLUMAN KECEMASAN, MISI KRITIKAL, ATAU KEFUNGSIAN BERKENAAN DENGAN KESELAMATAN, DAN ANDA TIDAK BOLEH MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN INI DENGAN CARA SEDEMIKIAN. Perkhidmatan adalah tertakluk kepada gangguan dan kegagalan sekali-sekala disebabkan oleh pelbagai sebab yang di luar kawalan JCI, termasuk selang waktu Wi-Fi, masa beroperasi pembekal perkhidmatan, pengendali rangkaian mudah alih, antara lain, serta penyelenggaraan sistem rutin. Anda mengakui had-had ini dan bersetuju bahawa JCI tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan yang didakwa diakibatkan oleh sebarang gangguan, kegagalan atau kelewatan Perkhidmatan. Jika anda menggunakan Perkhidmatan dalam sebarang aplikasi larangan yang dinyatakan dalam Bahagian ini: (i) anda mengakui bahawa penggunaan sedemikian adalah atas risiko tunggul anda sendiri; (ii) anda bersetuju bahawa JCI tidak bertanggungjawab, secara keseluruhan atau sebahagian, untuk apa-apa tuntutan atau kerosakan yang timbul daripada penggunaan sedemikian; dan (iii) anda hendaklah menanggung rugi, mempertahankan dan melindungi JCI daripada dan terhadap apa-apa dan semua tuntutan, kerosakan, saman, sanksi, kerugian, kos, perbelanjaan dan liabiliti yang timbul daripada atau berhubungan dengan penggunaan sedemikian.

b. Dalam apa-apa jua keadaanpun JCI tidak akan liable atau bertanggungjawab bagi sebarang penggunaan, atau apa-apa hasil yang diperolehi daripada penggunaan, Perkhidmatan atau Perisian bersama dengan apa-apa perkhidmatan, perisian atau perkakasan yang tidak dibekalkan oleh JCI. Semua penggunaan sedemikian adalah atas risiko dan liabiliti tunggal anda sendiri.

17. Had Liabiliti. SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, TIDAK DALAM APA-APA JUA KEADAANPUN, PIHAK JCI AKAN LIABLE KEPADA ANDA ATAU SEBARANG PIHAK KETIGA, DI BAWAH SEBARANG KAUSA TINDAKAN MAHKAMAH ATAU TEORI LIABILITI MESKIPUN DINASIHATKI TENTANG KEMUNGKINAN BAGI GANTI RUGI SEDEMIKIAN, UNTUK SEBARANG: (A) GANTI RUGI ISTIMEWA, KECIL, BERBANGKIT, PUNITIF ATAU TIDAK LANGSUNG; (B) KEHILANGAN KEUNTUNGAN, PENDAPATAN, DATA, PELUANG PELANGGAN, PERNIAGAAN, PENJIMATAN YANG DIJANGKAKAN ATAU NAMA BAIK; DAN (C) GANGGUAN PERNIAGAAN. DALAM APA-APA JUA KEADAANPUN, LIABILITI AGREGAT KESELURUHAN PIHAK JCI DI BAWAH PERJANJIAN INI BAGI SEMUA GANTI RUGI, KERUGIAN DAN KAUSA TINDAKAN (SAMA ADA DALAM KONTRAK ATAU TORT) (TERMASUK KECUAIAN), ATAU DENGANYANG LAIN) HENDAKLAH DIHADKAN KEPADA YURAN-YURAN YANG ANDA BAYAR BAGI PERKHIDMATAN SEPANJANG DUA BELAS (12) BULAN YANG SEJURUS SEBELUM PERISTIWA PERTAMA YANG MENYEBABKAN LIABILITI. HAD-HAD DAN PENGECUALIAN-PENGECUALIAN ADALAH JUGA TERPAKAI JIKA REMEDI INI TIDAK MEMAMPAS ANDA SEPENUHNYA UNTUK SEBARANG KERUGIAN ATAU KEGAGALAN TUJUAN ESSENTIALNYA. SESETENGAH BIDANG KUASA TIDAK MEMBENARKAN TERHADNYA GANTI RUGI KECIL, BERBANGKIT ATAU GANTI RUGI LAIN. DALAM KEADAAN SEDEMIKIAN, HAD INI TIDAK AKAN TERPAKAI TERHADAP ANDA SETAKAT MANA YANG DILARANG OLEH UNDANG-UNDANG.

18. Kesulitan.

a. Anda mengakui bahawa semua maklumat yang didedahkan oleh JCI kepada anda, sama ada secara lisan atau bertulis, adalah ditetapkan sebagai sulit atau yang secara munasabah seharusnya difahamkan sebagai sulit berdasarkan sifat maklumat dan keadaan pendedahan, termasuk Perkhidmatan dan idea-idea, kaedah-keadah, teknik-teknik dan ungkapan-ungkapannya dalam Perkhidmatan, perniagaan dan rancangan-rancangan pemasaran, maklumat teknologi dan teknikal, rancangan dan reka bentuk produk dan proses perniagaan yang didedahkan oleh JCI (secara kolektif, "Maklumat Sulit JCI") merupakan maklumat sulit dan proprietari JCI, di mana penggunaan atau pendedahan yang tidak dibenarkan akan memudaratkan JCI. Namun demikian, Maklumat Sulit JCI tidak termasuk apa-apa maklumat yang: (i) adalah atau akan menjadi diketahui secara umum kepada orang ramai tanpa kemungkiran apa-apa kewajipan yang kepada JCI; (ii) telahpun anda tahu sebelum pendedahannya oleh JCI tanpa kemungkiran apa-apa kewajipan kepada JCI; (iii) adalah diterima daripada pihak ketiga tanpa kemungkiran apa-apa kewajipan kepada JCI; atau (iv) adalah anda menghasilkan secara bebas .

b. Anda bersetuju untuk: (i) melindungi Maklumat Sulit JCI dengan menggunakan tahap kercermatan yang sama yang mana anda gunakan untuk melindungi maklumat sulit anda sendiri yang serupa jenis (tetapi tidak kurang daripada kercermatan yang munasabah); (ii) tidak menggunakan Maklumat Sulit JCI bagi sebarang tujuan di luar skop Perjanjian ini; dan (iii) melainkan yang dinyatakan sebaliknya dalam Perjanjian ini atau dibenarkan oleh JCI secara bertulis, menghehadkan akses ke Maklumat Sulit JCI kepada pekerja dan kontraktor anda yang memerlukan akses bagi tujuan-tujuan yang selaras dengan Perjanjian ini dan mereka yang telah menandatangani perjanjian-perjanjian kesulitan dengan anda yang mengandungi perlindungan yang tidak kurang material dalam melindungi Maklumat Sulit JCI berbanding yang terkandung di dalam ini. Anda boleh mendedahkan Maklumat Sulit JCI setakat mana yang dikehendaki oleh undang-undang untuk melakukan sedemikian, tertakluk kepada anda memberikan notis terlebih dahulu kepada JCI berkenaan dengan pendedahan yang dikenhendaki tersebut (setakat mana dibenarkan dari segi undang-undang) dan bantuan munasabah, atas kos JCI, jika JCI ingin menentang pendedahan tersebut.

19. Remedi Ekuiti. Anda mengakui dan bersetuju bahawa remedi undang-undang untuk ganti rugi adalah tidak mencukupi untuk memampas JCI sepenuhnya bagi kemungkiran Bahagian-Bahagian 1 (Perkhidmatan), 6 (Sekatan-Sekatan), atau 18 (Kesulitan). Oleh itu, JCI adalah berhak terhadap relif injunktif sementara terhadap anda tanpa keperluan untuk membuktikan kerugian sebenar dan tanpa menempatkanbon atau sekuriti lain. Relif injunktif tidak akan menghadkan apa-apa remedi-remedi lain yang mungkin ada kepada JCI akibat daripada kemungkiran anda terhadap Bahagian-Bahagian yang disebutkan di atas atau apa-apa peruntukan lain dalam Perjanjian ini .

20. Data. Anda mengakui dan bersetuju kepada pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan Data Pelanggan oleh kami seperti yang dinyatakan dalam Bahagian ini.

a. Sekuriti Data. Kami adalah bertekad untuk melindungi sekuriti dan integriti Data Pelanggan. Kami akan mengekalkan suatu program sekuriti maklumat yang selaras dengan risiko-risiko yang pelbagai dan buruk, berkenaan dengan teknologi-teknologi rangkaian.

b. Data Pelanggan. Antara anda dan kami, anda memiliki semua hak, hak milik dan kepentingan dalam dan pada Data Pelanggan. Anda memberikan kepada kami dan ahli-ahli gabungan kami hak dan lesen yang tidak eksklusif, seluruh dunia, boleh disublesenkan, selama-lamanya, dan terbayar untuk menggunakan Data Pelanggan untukmembekalkan, mengekalkan, melindungi dan meningkatkan Perkhidmatan dan untuk menambah baik dan membangunkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami. Anda hendaklah memperolehi dan mengekalkan segala persetujuan dan hak yang diperlukan di bawah undang-undang dan telah membekalkan semua notis yang diperlukan dari segi undang-undang untuk membekalkan Data Pelanggan kepada kami. Anda adalah bertanggungjawab secara tunggulbagi semua Data Pelanggan termasuk penciptaan atau penyelenggaraan dan salinan-salinan semua Data Pelanggan dan ketepatan, integriti, kualiti, kesahan dan kesesuaian Data Pelanggan. JCI tidak membuat sebarang representasi dan jaminan berkenaan dengan Data Pelanggan. "Data Pelanggan" bermaksud data yang anda atau sesiapa yang bertindak bagi pihak anda menjalankan dalam Perkhidmatan, menyebabkan untuk berantaramuka dengan Perkhidmatan atau mengemukakan kepada Perkhidmatan.

c. Data Yang Tidak Dikenalpasti. Meskipun terma-terma lain dalam Perjanjian ini, kami boleh menggunakan atau mendedahkan Data Yang Tidak Dikenalpasti bagi sebarang tujuan. "Data Yang Tidak Dikenalpasti" bermaksud Data Pelanggan yang tidak mengenalpasti anda secara langsung atau secara inferens.

d. Lokasi Data. Data Pelanggan boleh dipindahkan kepada atau disimpan dan/atau diproses di Amerika Syarikat atau negara-negara lain di mana kami atau ahli-ahli gabungan atau subkontraktor-subkontraktor kami beroperasi. Kami akan bertindak menurut keperluan-keperluan Perjanjian ini tanpa mengira di mana kami menyimpan atau memproses Data Pelanggan.

e. Pendedahan Tujuan Undang-undang. Meskipun terma-terma lain dalam Bahagian ini, kami boleh menggunakan atau mendedahkan Data Pelanggan yang kami percaya dengan suci hati adalah diperlukan atau wajar: (i) di bawah undang-undang terpakai, termasuk undang-undang di luar negara tempat tinggal anda; (ii) untuk mematuhi proses undang-undang; (iii) untuk membalas kepada permintaan-permintaan sah oleh orang awam atau pihak-pihak berkuasa kerajaan; dan (iv) untuk menguatkuasakan Perjanjian ini atau membolehkan kami untuk mendapatkan remedi-remedi tersedia atau mengehadkan ganti rugi yang mungkin kami tanggung.

f. Maklumat Peribadi. Kami adalah berdedikasi untuk melindungi maklumat peribadi dan memprosesnya dengan cara yang selaras dengan jangkaan-jangkaan pengguna. Adendum pemprosesan data di www.johnsoncontrols.com/dpa (“DPA”) adalah diperbadankan dengan rujukan di sini dan akan terpakai setakat mana sebarang Data Pelanggan ialah Data Peribadi (ditakrifkan sebagai DPA). Berhubungan dengan Data Peribadi lain, jika ada, JCI akan mematuhi Notis Privasi Johnson Controls di http://www.johnsoncontrols.com/legal/privacy.

21. Hak-HakProprietari.

a. Perkhidmatan. Melainkan untuk hak-hak lesen terhad dan terma-terma lain yang dinyatakan secara nyata di dalam Perjanjian ini, JCI dan pemberi-pemberi lesennya menyimpan semua hak, hak milik dan kepentingan (termasuk semua hak harta intelek) dalam dan pada Perkhidmatan. Semua tanda dagang, logo dan tanda perkhidmatan ("Tanda") dipaparkan pada Perkhidmatan adalah harta JCI atau pemilik mereka masing-masing. Anda tidak dibenarkan untuk menggunakan apa-apa Tanda tanpa kebenaran bertulis yang berkenaan terlebih dahulu oleh JCI atau pemilik masing-masing sedemikian.

b. Maklum Balas. Sebarang cadangan, maklumat, komen atau maklum balas lain yang anda berikan kepada JCI berkenaan Perkhidmatan atau apa-apa produk atau perkhidmatan lain yang dibekalkan oleh JCI (termasuk, tanpa had, berkenaan dengan pengubahsuaian, peningkatan, penambahbaikan dan perubahan lain terhadap Perkhidmatan atau produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dibekalkan oleh JCI) (secara kolektif "Maklum Balas") adalah secara sukarela, dan anda dengan ini memberi JCI lesen yang tidak boleh ditarik balik, tidak eksklusif, selama-lamanya, seluruh dunia, bebas daripada royalti, boleh dipindah milik untuk digunakan (dan membenarkan pihak lain untuk menggunakan) apa-apa Maklum Balas tanpa sekatan.

22. Undang-undang Yang Terpakai dan Timbang Tara, Penepian Tindakan Kelas dan Penepian Juri.

a. Undang-undang Yang Terpakai. Anda bersetuju bahawa Perjanjian ini, dan sebarang tuntutan, pertikaian, tindakan atau isu yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini atau penggunaan Perkhidmatan oleh anda diperintah oleh Akta Timbang Tara Persekutuan, undang-undang persekutuan terpakai dan undang-undang Negeri Wisconsin tanpa rujukan kepada prinsip konflik undang-undang. Melainkan pertikaian akan diperintah oleh klausa timbang tara yang terpakai, anda bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa peribadi mahkamah negeri dan persekutuan di atau bagi Kaunti Milwaukee, Wisconsin bagi tujuan litigasi untuk semua tuntutan dan pertikaian. Meskipun yang di atas, JCI boleh mendapatkan relif injunktif atau relif ekuiti lain untuk melindungi maklumat sulit dan hak harta inteleknya (atau pemberi-pemberi lesen atau pembekal-pembekal perkhidmatannya) atau untuk mencegah kehilangan data atau kerosakan kepada pelayannya di apa-apa mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten. Sekiranya ianya ditentukan oleh mahkamah dengan bidang kuasa yang kompeten bahawa Akta Timbang Tara Persekutuan, undang-undang persekutuan terpakai dan undang-undang Negeri Wisconsin adalah tidak terpakai terhadap suatu tindakan atau prosiding yang dibawa oleh salah satu pihak berkenaan dengan atau di bawah Perjanjian ini, pihak-pihak bersetuju kepada pemakaian undang-undang negara di mana anda memasuki Perjanjian ini untuk memerintah, mentafsir, dan menguatkuasakan semua hak, tanggungjawab dan kewajipan anda dan JCI yang timbul daripada atau berkenaan dengan, dalam apa-apa caraterhadap, perkara Perjanjian ini, tanpa mengambil kira prinsip konflik undang-undang. Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atas Kontrak untuk Penjualan Barangan Antarabangsa adalah tidak terpakai terhadap apa-apa tindakan atau prosiding sedemikian.

b. Timbang Tara. Sebarang pertikaian atau tuntutan berkenaan dalam apa cara sekalipun terhadap Perjanjian ini atau akses atau penggunaan apa-apa Perkhidmatan oleh anda hendaklah diselesaikan melalui timbang tara yang mengikat, dan bukannya di mahkamah, melainkan anda boleh menegaskan tuntutan-tuntutan di mahkamah tuntutan kecil jika tuntutan anda adalah berkelayakan. Timbang tara akan berjalan di Milwaukee, Wisconsin, A.S. Akta Timbang Tara Persekutuan dan undang-undang timbang tara persekutuan adalah terpakai terhadap Perjanjian ini. Tiadanya hakim atau juri dalam timbang tara, dan semakan oleh mahkamah terhadap awad timbang tara adalah terhad. Seorang penimbang tara boleh memberi award atas dasar individu ganti rugi dan relif yang sama sebagai mahkamah, termasuk relif injunksi dan pengisytiharan atau kerugian berkanun, dan mesti mengikuti peruntukan-peruntukan Perjanjian ini sebagaimana mahkamah akanbuat yang sama.

c. Permulaan Timbang Tara. Untuk memulakan prosiding timbang tara, anda mesti menghantar satu surat meminta timbang tara dan menghuraikan tuntutan anda terhadap Johnson Controls, Inc., Untuk Perhatian: “Legal Department at 507 E. Michigan Street, Milwaukee, Wisconsin 53202, United States”. Notis anda kepada JCI mestilah:

(i) memberikan nama, alamat mel and alamat e-mel anda; (ii) menghuraikan pertikaian tersebut; dan (iii) menyatakan relif yang anda minta. Timbang tara akan dijalankan oleh Persatuan Timbang Tara Amerika ("AAA") di bawah peraturan-peraturannya . Peraturan-Peraturan AAA boleh didapati di www.adr.org atau dengan menghubungi 1-800-778-7879. Bayaran bagi semua pemfailan, pentadbiran dan yuran penimbang tara akan ditadbir oleh peraturan AAA.

d. PENEPIAN TINDAKAN KELAS. Anda dan JCI masing-masing bersetuju bahawa sebarang prosiding penyelesaian pertikaian hanya akan dijalankan atas dasar satu individu sahaja dan bukannya tindakan kelas, digabungkan atau tindakan representatif. Jika, atas apa-apa sebab, suatu tuntutan dibawa di hadapan mahkamah dan bukannya timbang tara, anda dan JCI masing-masing adalah mengetepikan sebarang hak untuk perbicaraan juri. Anda dan JCI kedua-duanya bersetuju sama ada anda atau JCI boleh membawa tindakan di mahkamah negeri atau persekutuan Kaunti Milwaukee, Wisconsin, Amerika Syarikat untuk melarang pelanggaran atau penyalahgunaan hak harga intelek lain.

e. PILIHAN UNTUK MENGECUALIKAN DIRI. Untuk mengecualikan diri daripada terma-terma timbang tara dan penepian tindakan kelas dalam Bahagian 22 ini, anda mestilah memaklumkan JCI secara bertulis dalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh anda pertama kali menerima Perjanjian ini (melainkan tempoh yang lebih lama diperlukan menurut undang-undang yang terpakai). Anda mesti mengeposkan notis bertulis anda kepada JCI,Untuk Perhatian: Legal Department ke alamat dalam Bahagian 22(c). Tertakluk pada Bahagian 22(f), sekiranya anda tidak memaklumkan JCI seperti mana yang dinyatakan dalam Bahagian 22(e) ini, anda adalah bersetuju supaya terikat dengan peruntukan-peruntukan timbang tara dan penepian tindakan kelas di sini, termasuk peruntukan sedemikian dalam apa-apa Perjanjian yang dipinda selepas tarikh penerimaan pertama anda.

f. Anda boleh menolak sebarang pindaan yang dibuat oleh JCI terhadap Bahagian 22 (kecuali perubahan alamat) dengan menghantar notis bertulis kepada JCI dalam masa puluh (30) hari daripada tarikh perubahan, melalui pos ke alamat dalam Bahagian 22(c). Sekiranya anda berbuat demikian, versi terakhir Bahagian 22 sebelum perubahan yang anda tolak akan terpakai. Anda tidak perlu menghantar penolakan kepada JCI bagi perubahan masa depan terhadap Bahagian 22 ini jika anda telah pilih secara sah untuk mengecualikan diri daripada peruntukan-peruntukan timbang tara dan penepian tindakan kelas dalam Bahagian 22 dalam masa tiga puluh (30) hari selepas anda menerima Perjanjian ini buat kali pertama.

23. Am. Perjanjian ini dan semua Pesanan merupakan pemahaman dan persetujuan keseluruhan antara pihak-pihak berkenaan dengan transaksi yang dipertimbangkan dalam Perjanjian ini dan adalah menggantikan semua komunikasi lisan atau bertulis semasa sebelumnya berkenaan dengan perkara Perjanjian ini, yang kesemuanya digabungkan dalam Perjanjian ini. Sekiranya terdapatnya konflik antara dokumen yang membentuk Perjanjian ini, konflik tersebut hendaklah diselesaikan dengan memberi keutamaan mengikut urutan yang berikut: terma-terma bagi apa-apa Terma Tempatan yangterpakai, Terma-Terma bagi apa-apa Terma Tambahan yangterpakai, terma-terma bagi baki Perjanjian ini, dan terma-terma Pesanan yangterpakai. Sekiranya apa-apa peruntukan Perjanjian ini adalah didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan menurut keputusan kehakiman, bahagian lain Perjanjian ini akan tetap sah dan boleh dikuatkuasakan menurut terma-termanya. Sebarang kegagalan oleh JCI untuk menguatkuasa apa-apa peruntukan Perjanjian ini secara tegas tidak akan beroperasi sebagai penepian peruntukan tersebut atau sebarang pelanggaran seterusnya peruntukan tersebut . Bahasa rasmi Perjanjian ini ialah Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapatnya konflik antara versi-versi Perjanjian ini dalam sebarang bahasa yang lain, versi Bahasa Inggeris akan terpakai. Peruntukan-peruntukan berikut hendaklah kekal sah selepas apa-apa penamatan atau tamatnya tempoh Perjanjian ini. Bahagian-Bahagian 6 (Sekatan-Sekatan), 7 (Kepatuhan), 12 (Yuran; Cukai) (setakat yuran-yuran yang terakru sebelum tarikh penamatan), 13 (Terma-Terma Khusus Geografi dan Perkhidmatan), 14 (Waranti Terhad; Penolak Tuntutan), 15 (Tuntutan Pihak Ketiga), 17 (Had Liabiliti), 18 (Kesulitan), 20 (Data), 21 (Hak Proprietari), 22 (Undang-undang Terpakai dan Timbang Tara; Penepian Tindakan Kelas dan Penepian Juri) 23 (Am), 24 (Eksport/Import) dan 25 (Hak Kerajaan A.S.) Perjanjian ini dan sebarang hak atau kewajipan yang berkaitan, tidak boleh diserahhak atau dengan yang lain dipindahkan oleh anda tanpa kebenaran bertulis JCI terlebih dahulu. Perjanjian ini boleh diserahhak oleh JCI tanpa sebarang sekatan. Perjanjian ini mengikat apa-apa penerima hak yang dibenarkan.

24. Eksport/Import. Perkhidmatan dilesenkan untuk kegunaan di negara spesifik yang dibenarkan oleh JCI. Anda tidak boleh mengeksport atau mengimport Perkhidmatan ke negara lain tanpa kebenaran bertulis JCI dan pembayaran apa-apa bayaran tambahan khusus negara yang berkenaan. Anda hendaklah mematuhi sepenuhnya segala undang-undang dan peraturan eksport dan import Amerika Syarikat dan negara asing di mana Perkhidmatan akan digunakan ("Undang-undang Eksport/Import") untuk memastikan tiadanya Perkhidmatan mahupun apa-apa produk langsungnya adalah dieksport atau diimport, secara langsung atau tidak langsung, dalam melanggar apa-apa Undang-undang Eksport/Import; atau adalah dirancangkan untuk digunakan untuk sebarang tujuan yang dilarang oleh Undang-undang Eksport/Import. Undang-undang ini termasuklah sekatan di destinasi-destinasi, pengguna-pengguna akhir dan penggunaan akhir. Anda mewakili dan menjaminbahawa anda: (a) bukannya rakyat, warganegara atau pemastautin, dan bukannya di bawah kawalan kerajaan Cuba, Iran, Korea Utara, Syria, Sudan atau sebarang negara lain yang ke mana Amerika Syarikat atau Kesatuan Eropah telah melarang eksport; (b) bukannya disenaraikan dalam senarai-senarai 'Warga Negara Yang Ditetapkan Khas', 'Pengganas Yang Ditetapkan Khas', dan 'Pengedar Narkotik Yang Ditetapkan Khas' oleh Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat, dan bukannya disenaraikan dalam Jadual Arahan Penafian oleh Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat, dan dalam apa-apa senarai pengecualian Kerajaan Amerika Syarikat; (c) bukannya di bawah kawalan oleh atau ejen untuk sesiapa yang dalam senarai-senarai sedemikian atau entiti-entiti yang disenaraikan di atas; (d) tidak akan mengeksport atau eksport semula mana-mana bahagian Perkhidmatan, secara langsung atau tidak langsung, kepada negara-negara yang disebutkan di atas atau kepada rakyat, warganegara atau pemastautin negara-negera tersebut atau kepada sesiapa dalam senarai-senarai yang disebutkan di atas; dan (e) tidak akan menggunakan Perkhidmatan bagi, dan tidak akan membenarkan Perkhidmatan digunakanbagi, sebarang tujuan yang dilarang oleh undang-undang Amerika Syarikat atau Kesatuan Eropah, termasuk untuk pembangunan, reka bentuk, pembuatan atau pengeluaran senjata-senjata pemusnahan massa nuklear, kimia atau biologi.

25. Hak Kerajaan A.S. Perkhidmatan ialah "item komersial" seperti mana istilah itu ditakrifkan dalam 48 CFR 2.101 (Oktober 1995), terdiri daripada "perisian komputer komersial" dan "dokumentasi perisian komputer komersial", seperti mana istilah-istilah ini digunakan dalam 48 CFR 12.212 (September 1995), dan adalah dibekalkan kepada Kerajaan A.S. sahaja sebagai item akhir komersial. Selaras dengan 48 CFR 12.212 dan 48 CFR 227.7202-1 melalui 227.7202-4 (Jun 1995), semua Pengguna Akhir Kerajaan A.S. memperolehi Perkhidmatan hanya dengan hak-hak yang dinyatakan di dalam ini.

26. Penerimaan Elektronik. Perjanjian ini boleh diterima dalam bentuk elektronik (cth. dengan peranti elektronik atau dengan kaedah lain yang menunjukkan persetujuan), dan penerimaan anda adalah dianggap mengikat antara pihak-pihak. Tiada pihak boleh mempertikaikan kesahan atau penguatkuasaan Perjanjian ini, termasuk di bawah apa-apa kanun penipuan terpakai, kerana ia telah diterima atau ditandatangani dalam bentuk elektronik. Rekod yang diselenggara secara elektronik, apabila dikemukakan dalam bentuk salinan keras, hendaklah merupakan rekod perniagaan dan mempunyai kesahan yang sama seperti sebarang rekod perniagaan lain yang diakui secara umum.

27. Notis. JCI mungkin perlu berkomunikasi dengan anda dari semasa ke semasa berkenaan dengan Perjanjian ini atau Perkhidmatan. JCI boleh memberikan notis kepada anda melalui e-mel kepada alamat e-mel yang anda berikan kepada JCI, atau menerusi antara muka pengguna bagi Perkhidmatan,

atau di laman kami di mana Perjanjian ini diposkan. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan berkenaan Perjanjian ini atau perlu menghubungi JCI, termasuk untuk menghantar notis undang-undang, sila lihat https://www.johnsoncontrols.com/contact-us untuk maklumat hubungan JCI di bidang kuasa lokasi di mana anda berada. Salinan sebarang notis undang-undang haruslah dihantar kepada Johnson Controls, Inc., Untuk Perhatian: Legal Department at 5757 N Green Bay Avenue, Milwaukee, Wisconsin 53209, United States.

28. Perubahan-Perubahan kepada Perjanjian ini. Melainkan setakat di mana dilarang oleh undang-undangterpakai, kami boleh mengubah Perjanjian ini (termasuk Terma-Terma Tambahan) dengan mengeposkan versi yang dipinda di laman kami di mana terma-terma Perjanjian adalah diposkan, melalui Perkhidmatan, melalui e-mel kepada alamat e-mel berkenaan dengan Akaun anda, atau apa-apa cara yang dibenarkan di bawah Bahagian 28. Sebarang perubahan kepada Perjanjian ini adalah efektif apabila diposkan (atau tarikh efektif kemudian yang mungkin dinyatakan pada bahagian atas terma-terma Perjanjian yang dipinda). Anda harus memastikan bahawa anda telah membaca dan bersetuju dengan Perjanjian terkini kami apabila anda menggunakan Perkhidmatan. Jika anda tidak bersetuju dengan Perjanjian sebagaimana yang dipinda, anda mesti berhenti menggunakan Perkhidmatan dan membatalkan akaun anda. Penggunaan berterusan Perkhidmatan oleh anda selepas tarikh Perjanjian dipinda yang diposkan merupakan penerimaan Perjanjian yang dipinda ttersebut oleh anda.

29. Pelanggaran Hak Cipta. Sekiranya anda percaya bahawa maklumat atau apa-apa bahan lain yang digunakan dalam Perkhidmatan secara pelanggaran hak cipta, sila berikan notis pelanggaran sedemikian kepada BTS-DMCAagent@jci.com atau kepada Johnson Controls,Untuk Perhatian: Legal Department, 5757 N Green Bay Avenue , Milwaukee WI, 53209, USA. Hanya pertanyaan yang berkaitan dengan prosedur pelanggaran hak cipta ini akan menerima respons. Notis anda seharusnya mengandungi maklumat yang berikut:

- tandatangan elektronik atau fizikal oleh orang yang dibenarkan untuk bertindak bagi pihak pemilik hak eksklusif yang didakwa dilanggar;
- pengenalpastian karya dihakcipta yang didakwa dilanggar;
- huraian di mana bahan tersebut ditempatkan dalam Perkhidmatan;
- alamat anda, nombor telefon dan alamat e-mel;
- pernyataan niat baik anda bahawa penggunaan yang dipertikaikan adalah tidak dibenarkan oleh pemilik hak cipta, ejennya, atau undang-undang; dan,
- pernyataan oleh anda, di bawah hukuman sumpah bohong, bahawa maklumat dalam notis anda adalah tepat dan bahawa anda adalah pemilik hak cipta atau diberi kuasa untuk bertindak untuk dan bagi pihak pemilik hak cipta.